

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
IBU PEJABAT MADA, AMPANG JAJAR
05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN
TELEFON : 04-772 8255 FAX : 04-772 2667**

**KENYATAAN TAWARAN/NOTIS SEBUT HARGA:
BEKALAN**

SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BIP/P/02/2024

1. Sebut Harga daripada penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti dibawah:


- i. 130101 (Mesin dan Kelengkapan Bengkel) atau
- ii. 130102 (Mesin dan Kelengkapan Khusus)

akan diterima di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, IBU PEJABAT MADA, AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00** tengah hari pada **11/07/2024 (Khamis)** untuk:-

No. Kontrak	Tajuk	Lawatan Tapak	Kod Bidang
MADA(SH)/BIP/ P/02/2024	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Menambahbaik, dan Menjayajalankan Komponen Baru bagi Mesin-Mesin Pemprosesan Benih Padi Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Bagi Loji Pemprosesan Benih Padi MADA 2024.	3 Julai 2024 (Rabu) Jam 9.30 pagi Pendaftaran: Jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi Berkumpul di Loji Pemprosesan Benih Padi Telok Chengai, Pusat Pembangunan Komoditi, Jabatan Pertanian, Telok Chengai, 06600 Kuala Kedah, Kedah Darul Aman.	130101 atau 130102

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran Sebut Harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** setiap naskhah di Pejabat seperti alamat di atas, mulai **3 Julai 2024 (Rabu)** sehingga **11 Julai 2024 (Khamis)** pada waktu dan hari bekerja. Bayaran hendaklah dibuat secara atas talian dibawah nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (CIMB BANK BERHAD: 8006436723)**, pembayaran secara **Interbank GIRO transfer**. Bayaran secara Wang Tunai atau Cek, Money Order, Postal Order dan Draf Bank **TIDAK AKAN DITERIMA**.

3. Penyebut harga yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan satu salinan fotostat surat dan akuan pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga. Bagi mana-mana Penyebut Harga yang namanya tiada di dalam surat-surat pendaftaran di atas, perlulah mengemukakan surat lantikan Wakil Syarikat yang sah sebagai bukti untuk mengambil bahagian di dalam tawaran ini.
4. Penyebut Harga mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERMETRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERMETRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.



(**ENGKU MAZLIN BINTI ENGKU HALIN**)
Pengarah Bahagian Industri Padi
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda